

05 MAY 1996

Salleh-pindaan

BIAR KABINET PUTUSKAN SAMA ADA PINDAAN DIDEDAH PADA UMUM

KOTA KINABALU, 5 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri, Datuk Salleh Said Keruak berkata soal sama ada cadangan pindaan kepada lima undang-undang negeri untuk mengurangkan kuasa Ketua Menteri, akan dihebahkan kepada umum akan bergantung kepada Kabinet.

Katanya, soal pindaan itu selama ini diputuskan oleh Kabinet, maka itu Kabinet juga harus memutuskan sama ada ia perlu dihebahkan kepada awam atau tidak.

"Ketua Menteri baru nanti bolehlah membawa usul ini kepada kabinetnya untuk dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan jamuan makan tengah hari dengan para wartawan di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee semalam bahawa beliau mahu kandungan cadangan pindaan itu dibentangkan kepada umum.

Ini bertujuan untuk menghapuskan kekeliruan dan kebimbangan orang ramai berhubung cadangan pindaan itu yang membabitkan Enakmen Hutan 1968, Ordinan Tanah Bab 69, Ordinan Perlombongan 1960, Enakmen Yayasan Sabah 1966 dan Enakmen Perwakilan Kuasa 1963.

Yong juga berkata terdapat kekurangan kepada cadangan pindaan itu kerana ia sepatutnya dikemukakan kepada umum lebih awal lagi.

Cadangan pindaan itu sepatutnya dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri, pada 25 dan 26 April lepas.

Bagaimanapun, kabinet memutuskan persidangan itu ditunda ke 17 dan 18 Jun, berikutan permintaan anggota Dewan Undangan Negeri, yang mahu sedikit masa lagi untuk mengkaji cadangan pindaan itu.

Cadangan pindaan itu yang mulanya disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertujuan memindahkan kuasa Ketua Menteri mengenai hal-hal perhutanan, tanah dan perlombongan, kepada kabinet.

Pindaan terhadap Enakmen Yayasan Sabah pula bertujuan untuk membolehkan Yang Dipertua Negeri, melantik pengerusi lembaga pemegang amanah Yayasan Sabah, atas perakuan kabinet.

Sekarang ini pengerusi lembaga pemegang amanah Yayasan Sabah secara automatik dipegang oleh Ketua Menteri, yang juga berkuasa melantik lapan anggota yang lain.--BERNAMA

OPP +JS OBA.